

AMANAT NAIB CANSELOR 2022

Mendepani Cabaran
Pendidikan Tinggi Global



10 Februari 2022
Arena Gemilang, DeTAR PUTRA
9.00 pagi
WWW.UNIMAS.MY







Burung Kenyalang terbang sekawan,
Hinggap di atas pohon rumbia,
Tiga dekad mengukir kejayaan,
Memacu UNIMAS ke persada dunia.



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam Keluarga Malaysia, Salam Sarawakku Sayang dan Salam UNIMASKu Sayang

1. Sebagai pembuka bicara, izinkan saya menzahirkan rasa penuh kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, maka dapat kita bersama pada hari ini untuk menjayakan Majlis Amanat Naib Canselor 2022. Majlis Amanat ini memberi ruang kepada kita untuk berhimpun dalam keadaan yang terhad dengan diikuti secara maya oleh rakan-rakan lain serta memberi peluang kepada saya untuk berkongsi hala tuju UNIMAS agar kita boleh bergerak di atas landasan yang sama ke arah mencapai hasrat dan matlamat universiti.
2. Tahun 2022 memberi erti yang signifikan, kerana UNIMAS telah menjangkau usia tiga dekad. Sepanjang keberadaannya di Bumi Kenyalang, telah banyak pencapaian dan kejayaan yang telah kita raih bersama. Tentu sekali ia bukan pencapaian peribadi, mahupun kumpulan tertentu, namun dipacu secara TEGUH BERSAMA oleh semua warga UNIMAS.
3. Di sebalik kejayaan tersebut, kita juga berdepan dengan kekangan, rintangan dan cabaran yang menjadi asam garam kehidupan. Namun berkat kecekalan, keikhlasan, keserakanan, integriti dan inovatif dalam mendepani cabaran, akhirnya kita berjaya bertahan serta mencipta peluang baharu yang berimpak dalam kita mengurus dan mentadbir universiti.

4. Ketika masih ramai yang belum reda meredah kekusutan impak pandemik, ketika masih ada yang diselimuti kekecewaan, dunia tetap bergerak dan meneruskan kelangsungan. Begitu juga dengan ekosistem pendidikan global yang kini berada di persimpangan penting dalam mencorakkan hala tuju seterusnya. Tidak ada apa yang perlu disesali, malah banyak yang perlu dipelajari sekiranya kita mahu seiring dengan perubahan dunia. Langkah yang telah dicorak UNIMAS pada tahun 2021 ternyata tidak boleh terhenti. Sedang kita menjangkau usia 30 tahun, tindakan kita harus lebih padu, demi perubahan yang lebih jitu. Dengan visi untuk menjadi sebuah universiti global yang disegani, *UNIMAS as a Global Brand*, kesiapsiagaan kita dalam mendepani cabaran dunia pendidikan pasca-pandemik perlu ditingkatkan. Keupayaan kita untuk menempa pencapaian gemilang dengan melangkaui batasan keselesaan juga perlu disemarakkan.



A low-angle shot of a glowing yellow street lamp against a starry night sky. The lamp is on the left side of the frame, and its light illuminates the surrounding area. The sky is dark blue with many small white stars scattered across it.

Mendepani Cabaran
**PENDIDIKAN TINGGI
GLOBAL**

*TO CROSS FRONTIERS, WE MUST BE READY
IN EMBRACING CHALLENGES AND BE BOLD
AND BRAVE IN GOING BEYOND.*



5. Pandemi COVID-19 merupakan tempoh yang sungguh mencabar kepada semua. Kita semua tetap TEGUH BERSAMA mengharungi ujian yang amat mencabar ini. Menurut *World Economic Forum*, terdapat lebih kurang 1.2 billion pelajar dari 186 buah negara terkesan akibat penutupan sekolah-sekolah mahupun universiti, termasuklah pelajar-pelajar di kampus kita.



6. Siapa yang tidak rindukan suasana kampus kita yang meriah, penuh dengan para pelajar yang kita kasihi. Kampus terpaksa ditutup dan kelas pula dihadiri secara maya dengan pelbagai kekangan dan batasan yang perlu dilalui staf dan juga pelajar. Pengajaran dan pembelajaran semua beralih ke platform virtual. Perubahan drastik ini menuntut para akademia dan pelajar menempuh norma baharu yang sangat berbeza dari aspek penerimaan kurikulum dan penilaian.



7. Dalam masa yang sangat singkat, para akademia perlu mencari sumber atau bahan yang bersesuaian digunakan untuk mengajar kelas secara virtual. Oleh kerana itu, mungkin ramai dalam kalangan kita berasa "*overwhelmed*" dengan pelbagai inisiatif bagi meningkatkan kemahiran bagi memenuhi kehendak pengajaran dan pembelajaran yang baharu.



8. Dengan kesempatan ini, saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua warga UNIMAS kerana telah menyahut cabaran ini. Kita menyaksikan pelbagai penghargaan diberikan kepada UNIMAS hasil usaha dan titik peluh warga kampus dalam memperkasa proses pengajaran dan pembelajaran sewaktu pandemik ini.



9. Kita patut merebut peluang yang mendatang sewaktu pandemik ini. Namun, ini tidak bermakna Pelan Strategik sedia ada tidak diberi perhatian oleh universiti. Intipati Pelan Strategik tetap ada, cuma kita perlu melakukan pendekatan yang baharu sesuai dengan perubahan yang berlaku demi untuk kita mencapai sasaran yang telah ditetapkan.
10. Seiring dengan keperluan dan tuntutan semasa, ini adalah masa yang terbaik untuk UNIMAS menyatukan kekuatan serta mengoptimumkan sumber sedia ada untuk mencipta peluang dan menggalas cabaran membawa UNIMAS ke peringkat kecemerlangan yang seterusnya.

Commitments
Strategic Focus 1

- 1 Strengthen Curriculum Design and Delivery
- 2 Advance Academic Quality
- 3 Enhance Student Campus Life Experience

Commitments
Strategic Focus 2

- 1 Strengthen and Intensify Research Enculturation
- 2 Enhance Research Impact
- 3 Wealth Creation through Commercialisation



Commitments
Strategic Focus 5

- 1 Diversify University Revenues
- 2 Optimise and Increase Efficiency of Resources
- 3 Endowment and Waqf Programmes


Commitments
Strategic Focus 4

- 1 Strengthen Global Branding
- 2 Enhance International Academic Capacity
- 3 Enhance the University's International Support Ecosystem

Commitments
Strategic Focus 3

- 1 Recruit, Hire, and Upgrade New and Existing Staff
- 2 Provide Career Advancement Opportunities
- 3 Strengthen Capabilities of Existing Talent

INCLUSIVE • GLOBAL • SUSTAINABLE



11. Justeru, sebagai asas kepada Amanat Naib Canselor 2022, saya ingin berkongsi dua perkara pokok yang perlu difahami, dihayati dan disertai dengan tindakan-tindakan teratur dan berimpak di semua peringkat pentadbiran universiti:



- a) Bagaimana untuk memanfaatkan perubahan dalam bidang pendidikan tinggi global?
- b) Apakah langkah dalam mendepani cabaran sedia ada dan mendatang dalam bidang pendidikan tinggi global?


12. Dengan berpandukan dua perkara pokok di atas, tema **Mendepani Cabaran Pendidikan Tinggi Global** telah dipilih sebagai tajuk Amanat Naib Canselor untuk tahun 2022.



13. Cabaran yang dihadapi semasa pandemik ini perlu dilihat sebagai peluang untuk kita maju ke hadapan. Saya ingin mengajak rakan-rakan semua untuk mengambil peluang terhadap **lima (5) kecemerlangan utama** yang bakal saya kongsi sebarang nanti.



14. Kesemua peluang yang baharu saya kongsi kan tadi sebenarnya sudah terdapat dalam Pelan Strategik 2021-2025. Namun, kita tidak boleh sentiasa berada dalam keadaan selesa dan merasakan diri kita sudah cukup hebat untuk tidak mengambil peluang yang ada.
15. Suka saya ingatkan sekali lagi, langkah pragmatik ini selari dengan Visi, Misi dan Nilai Teras yang didukung oleh pelan strategik dinamik serta petunjuk prestasi yang akan disemak secara berkala oleh Lembaga Pengarah Universiti.
16. Inisiatif-inisiatif yang akan saya kongsi sebentar nanti sudah pastinya akan memperkasakan ketersediaan kita dalam **mendepani cabaran pendidikan tinggi global.**



Adapun jika kita ingin lebih berjaya dalam menghadapi cabaran pendidikan tinggi global, kita perlu bersedia untuk berkolaborasi dengan pihak-pihak yang berkaitan. Sebagai contoh, kita boleh berkolaborasi dengan sektor swasta, organisasi nirlaba, organisasi antarabangsa, dan organisasi lain yang berkaitan dengan pendidikan tinggi. Kita juga boleh berkolaborasi dengan sektor swasta dan sektor nirlaba untuk meningkatkan kualiti dan keberkesanan pendidikan tinggi. Kita juga boleh berkolaborasi dengan sektor swasta dan sektor nirlaba untuk meningkatkan kualiti dan keberkesanan pendidikan tinggi. Kita juga boleh berkolaborasi dengan sektor swasta dan sektor nirlaba untuk meningkatkan kualiti dan keberkesanan pendidikan tinggi.

Hikmah Samsudin Abdul Latif

17. Terlebih dahulu, **mengutamakan Teknologi Digital dalam Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) adalah fokus utama** di dalam sasaran ini. Saya ingin merakam setinggi-tinggi penghargaan atas usaha rakan-rakan semua dalam memastikan pelajar kita yang menghadiri kuliah secara dalam talian tidak ketinggalan dan tercicir. Dengan pelancaran pelbagai platform menarik seperti e-Learning Enrichment and Advancement Platform (eLEAP) dan UNIMAS MOOC, pelajar kita dapat mengikuti P&P secara virtual dan hybrid melalui platform-platform seperti ini.

TEKNOLOGI DIGITAL
dalam sistem
PENGAJARAN DAN
PEMBELAJARAN





18. Saya juga ingin berkongsi pengalaman positif salah seorang pelajar kita yang saya jumpa di internet apabila beliau menggunakan aplikasi UNIMAS NOW yang menjadi pusat sehati bagi mendapatkan perkhidmatan.
19. Pengalaman seperti ini, harus dijadikan sebagai pemangkin kepada kita untuk memberikan perkhidmatan yang lebih berkesan dan efisien.

“I love this UNIMAS NOW application because of its simple and easy feature that enables me to be able to update my attendance, money matter, courses and credits, UNIMAS directory, academic calendar, announcement, events, news and stories, conferences and vacancies...”

- Celestina Marius -

Sumber: <https://celestinamarius95.home.blog/2018/11/03/assignment-1/>



20. Dengan penyediaan teknologi digital terkini, ia telah memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran seterusnya meningkatkan akses kepada program akademik kita dan menambahkan enrolmen pelajar khususnya pascasiswazah. Pada masa ini, Program Sarjana dengan Kerja Kursus dan DBA yang dijalankan di *City Campus* serta di tiga buah Pusat Pembelajaran UNIMAS, menunjukkan peningkatan pengambilan pelajar baharu yang menggalakkan walaupun menghadapi cabaran-cabaran pandemik COVID-19. Bilangan pelajar yang mengikuti program akademik komersil pada tahun 2021 melebihi jangkaan iaitu seramai 440 orang. Selain daripada itu, universiti terus komited dalam mengguna pakai platform virtual sebagai kaedah alternatif dalam mempromosikan program akademik untuk menarik lebih ramai pelajar baharu terutamanya pelajar antarabangsa. Ini termasuklah inisiatif *virtual booth* dalam promosi Jom Masuk IPT.

21. Pelajar-pelajar dan alumni antarabangsa merupakan aset penting yang menyumbang kepada kematangan sesebuah universiti. Oleh itu, perancangan dan intervensi yang tepat sangat perlu bagi memastikan UNIMAS sentiasa berwibawa dan bersedia untuk menerima pelajar-pelajar dari segenap pelusuk dunia.





22. Penstrukturan semula UNIMAS Global kepada UNIMAS Global (International) dan UNIMAS Corporate pasti dapat memberi ruang fokus yang lebih mantap terhadap perancangan Universiti untuk menjadi institusi peneraju global. UNIMAS Global berfungsi *One Stop Centre* yang bertanggungjawab atas aspek pengantarabangsaan dari mula sehingga ke penghujung, ataupun "*cradle to cradle*". Aspek dan sistem permohonan serta rekutmen pelajar antarabangsa juga ditambah baik bagi mengurangkan kerenah birokrasi. Ini memastikan proses permohonan dan penawaran yang lebih mudah dan pantas tanpa menjejaskan kualiti pengambilan pelajar.



23. Dalam era pandemik dan globalisasi ini, UNIMAS juga akan memfokuskan kepada *Open & Distant Learning* (ODL) sebagai mod kurikulum merentas benua, atau "*cross border curriculum*", bagi menarik lebih ramai pelajar antarabangsa untuk mengikuti program-program akademik di UNIMAS.

24. Pada tahun 2022 ini, *International Students Chapter (ISC)* akan diwujudkan semula dan diperkasakan untuk sama-sama membantu UNIMAS dalam meningkatkan potensi Universiti sebagai institusi pengajian tinggi pilihan pelajar antarabangsa.



25. Usaha untuk meningkatkan pengambilan pelajar melalui mekanisme APEL(A) dan APEL(C) juga dilaksanakan oleh Pusat Pembangunan & Pengurusan Akademik (PPPA) dengan kerjasama UNIMAS *Business School* (UBS) selaras dengan Pelan Strategik 2021-2025. Sasaran 2022 untuk bilangan calon pelajar yang akan menduduki penilaian APEL(C) adalah seramai 10 orang dari mereka yang sedang mengikuti program Sarjana dengan Kerja Kursus manakala bilangan yang akan mengambil penilaian APEL(A) seramai 25 orang pelajar.



MEMPERKASAKAN PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT



26. Seterusnya, **memperkasakan pembelajaran sepanjang hayat** juga akan menjadi tunjang bagi sasaran ini. Untuk mengukuhkan lonjakan Pembelajaran Dalam Talian Tahap Global di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025, satu lagi strategi untuk meningkatkan pengambilan pelajar terutamanya dalam kalangan pelajar dewasa adalah melalui tawaran *Open & Distance Learning (ODL)*. Perkara tersebut masih dalam proses penggubalan aspek-aspek teknikal oleh pihak UNIMAS *Business School (UBS)*. Program akademik komersial ODL pertama yang dijangka akan ditawarkan pada tahun 2023 ialah Sarjana dengan Kerja Kursus.

27. Bagi Program Profesional dan Eksekutif, UNIMAS, kita akan memulakan pelaksanaan program berikut mulai tahun 2022:

PROGRAM PROFESIONAL DAN EKSEKUTIF UNIMAS



Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat

- Program Profesional dan Eksekutif dalam Tenaga Kerja Digital (Tahap 3)
- Program Profesional dan Eksekutif IR 4.0 (Tahap 3)



Fakulti Sains dan Teknologi Sumber

- Program Profesional dalam Pelancongan Biodiversiti (Tahap 3)
- Program Profesional dan Eksekutif dalam Pelancongan Biodiversiti (Tahap 4)



Fakulti Sains Kognitif & Pembangunan Manusia

- Program Profesional dan Eksekutif dalam Pembelajaran dan Pengajaran (Tahap 4)

28. Untuk program komersial serta kursus jangka masa pendek, UBS akan melipatgandakan usaha dengan meningkatkan peserta mendaftar program. Program yang dijalankan juga merupakan satu keperluan kepada universiti untuk meningkatkan statistik MyRA serta Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH). UBS bekerjasama dengan pihak Fakulti untuk terus aktif menjalankan Program Bimbingan Pascasiswazah, kursus komersial kepada staf dalaman dan orang awam, seminar/persidangan serta kursus yang telah diluluskan Human Resource Development (HRD) Corp serta PERKESO di bawah Skim Sistem Insurans Pekerjaan (SIP). UBS akan berkolaborasi dengan Fakulti bagi memfokuskan penyampaian kursus yang berkualiti, sesuai dengan kehendak pasaran dan industri.



**LANGKAH MENDEPANI CABARAN
YANG SEDIA ADA SERTA YANG
MENDATANG DI DALAM
PENDIDIKAN TINGGI GLOBAL**



29. Secara tidak langsung ini mampu **melonjakkan lagi UNIMAS sebagai hab pendidikan virtual bagi pasaran global serta memperkukuhkan mobiliti virtual universiti**. Diinspirasi dengan tema “*Crossing Frontiers*,” UNIMAS Global akan mengukuhkan projek-projek di bawah UGHIPs, salah satunya dengan menjadikan platform **Collaborative Online International Learning** (COIL) sebagai batu loncatan. COIL, yang dipelopori oleh Coventry University, United Kingdom, merupakan salah satu platform global yang paling fleksibel, serba boleh, dan terangkum. Platform ini mampu menjadi asas kukuh dalam penyediaan ruang pembangunan kemahiran antara budaya (*intercultural competence*) kepada warga UNIMAS, baik staf mahupun pelajar. Penglibatan aktif UNIMAS dalam platform COIL yang turut dianggotai oleh hampir 200 institusi pengajian tinggi di seluruh dunia, berpotensi besar meningkatkan jumlah dan kualiti kerjasama antarabangsa di antara Universiti. UNIMAS akan mendapat peluang kerjasama dan penciptaan bersama (*collaboration and co-creation*) yang lebih bermakna dan lestari. Ini adalah agenda virtual mobiliti yang akan dilihat bersama oleh pihak UNIMAS Global dan *Centre for Applied Learning & Multimedia* (CALM).



PEMERIKSAAN AGENDA PENDIGITALAN KPT



MoHE Innovative
Digital Educators
(MINDS)



MoHE Immersive
Learning Spaces
(MILES)



MoHE Micro
Credential Based
Learning
(M.CREDIBLE)



Hyflex Learning

30. Usaha ini selari dengan amanat Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi yang berhasrat untuk memperkasakan agenda pendigitalan di bawah program **MoHE Innovative Digital Educators (MINDS)**, **MoHE Micro Credential Based Learning (M.CREDIBLE)**, **MoHE Immersive Learning Spaces (MILES)** dan **Hyflex Learning**.



PENYELIDIKAN BERIMPAK DAN MAMPAN

31. Seterusnya, bagi sasaran kedua iaitu penyelidikan dan inovasi, saya menyarankan agar para penyelidik menghasilkan penyelidikan yang berimpak dan mampan untuk meningkatkan daya saing universiti.

PENGHASILAN PENERBITAN DALAM JURNAL BERPRESTIJ



32. Dalam masa yang sama, usaha UNIMAS untuk menyemarakkan penghasilan penerbitan yang berimpak dan menjadi rujukan peringkat kebangsaan dan antarabangsa semakin menampakkan hasil walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran dan rintangan. Ini adalah seiring dengan hasrat universiti untuk meletakkan penyelidikan dan inovasi sebagai tunjang kepada penghasilan penerbitan dalam jurnal berprestij.

33. UNIMAS turut memperkenalkan pemberian insentif kepada TOP 10% dalam *Journal Citation Report* (JCR). Pemberian insentif ini akan disalurkan kepada penyelidik yang berjaya sama ada secara sokongan yuran penerbitan ilmiah dalam jurnal berindeks atau pemberian secara *one-off*. Pengenalan insentif sebegini diyakini bakal menyuntik nafas baru yang dapat dicontohi terutamanya oleh para penyelidik muda agar terus **melaksanakan penyelidikan translasi dan meningkatkan sitasi.**



INSENTIF – TOP 10%
JOURNAL CITATION REPORT (JCR)

MELAKSANAKAN
**PENYELIDIKAN
TRANSLASI DAN
MENINGKATKAN SITASI**



DATA SCIENCE CENTRE

34. Menyadari kewujudan bakat serta kepakaran dalam kalangan penyelidik UNIMAS dalam bidang *big data* atau *data analytics*, universiti percaya bahawa sudah tiba masanya aset ini dihimpunkan bersama dalam satu pusat kecemerlangan untuk memperluaskan bidang kepakaran dan berkongsi ilmu masing-masing. Bergerak selari dengan agenda pendigitalan yang sedang aktif dilaksanakan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi dan Kerajaan Negeri Sarawak, universiti akan menubuhkan **Data Science Center**.

35. Kepentingan pengurusan data raya analitik (*big data analytic*) amat diperlukan untuk mengawal dan memahami tingkah laku penyebarannya. Selain itu, *big data analytic* telah memainkan peranan penting serta membina pengetahuan yang diperlukan dalam membuat keputusan mahupun sebagai langkah berjaga-jaga. Mengambil iktibar daripada pandemik yang masih membelenggu kehidupan kita pada hari ini, penubuhan *Data Science Centre* amat signifikan dan bertepatan dengan keperluan semasa. Melalui *Data Science Center* ini, kita akan dapat melaksanakan penyelidikan berkaitan sains data dan data analitik, selain menterjemahkan data yang banyak diterima ini dalam bentuk hasil penyelidikan. Di samping itu, teknologi data pada masa kini merupakan salah satu keperluan penting dalam usaha meningkatkan perkhidmatan dan penyampaian kepada rakyat. Kesemua big data yang diperoleh daripada hasil kajian, merupakan aset yang kompetitif dan sangat bernilai dalam proses analitik. Melalui Big Data ini, penyelidik-penyelidik UNIMAS akan mampu menghasilkan penemuan baharu yang inovatif dan berimpak tinggi serta memberikan penyelesaian segera kepada permasalahan yang dihadapi oleh warga dunia pada hari ini.




Tourism Innovation Center (TIC)




36. Untuk mkluman semua, sejak lima tahun kebelakangan ini, kumpulan penyelidik dari *Tourism Innovation Centre* (TIC) yang berpusat di Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat telah membuktikan kehebatan mereka dengan memenangi beberapa projek signifikan dalam sektor pelancongan. Secara kumulatif, TIC yang diketuai oleh Prof Dr Wong Yin Cai telah memperolehi sejumlah RM10 juta dalam bentuk '*contract research*' dan khidmat perundingan, selain dalam proses negosiasi untuk projek e-commerce serta fasa ke dua projek 'Tourism Apps'. Kumpulan tersebut juga bertanggungjawab membangunkan Sistem Q bagi kegunaan PPV IPT UNIMAS dan Sistem WeCare bagi kehadiran semasa pandemik. TIC juga berjaya melatih pelajar-pelajar siswazah di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah. Oleh itu, sebagai pengiktirafan pencapaian cemerlang TIC, universiti mencadangkan supaya TIC dinaik taraf dari status pusat ke Institute for Tourism Research and Innovation (ITRI) – yang akan menjadi institut ke-7 di UNIMAS.

37. UNIMAS juga komited untuk terus menyokong dan mendokong inisiatif-inisiatif kerajaan melalui Post COVID 19 Development Strategy 2030 yang diaspirasikan oleh Kerajaan Negeri Sarawak serta strategi-strategi Kerajaan dalam memperkasakan Malaysia melalui strategi RMK12 iaitu Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Sehubungan itu, dengan bertunjangan UNIMAS Niche Areas serta menggarap kemas inisiatif-inisiatif kerajaan ini, UNIMAS telah mengatur strategi hala tuju fokus penyelidikan pada tahun 2022.


SARAWAK Post Covid-19: *Key Economic Sectors*



ANJAKAN BARU DALAM PENYELIDIKAN PENEMUAN ULUNG (BREAKTHROUGH RESEARCH)



38. UNIMAS telah menggembleng segala usaha dalam memartabatkan aspirasi penyelidikan dalam kalangan warganya. Pendekatan dan inisiatif ini turut **menggalakkan usaha-usaha ke arah anjakan baru dalam penyelidikan penemuan ulung atau *breakthrough research* yang berisiko dan bernilai tinggi, bersifat transformatif, bercita-cita tinggi serta menjadi pelopor paradigma dalam bidang tertentu.**

A photograph of laboratory glassware including two Erlenmeyer flasks and two test tubes. The flasks contain clear liquids with colorful streaks (green and blue) inside. The test tubes contain orange and blue liquids. The background is a soft, light blue gradient.


VC HIRF

VICE CHANCELLOR'S HIGH IMPACT FUND

RM5 MILLION

39. Sehubungan itu, UNIMAS akan memperkenalkan ***Vice Chancellor's High Impact Research Fund***. Universiti memperuntukkan dana awal sebanyak RM5 juta dan akan ditambah mengikut keperluan semasa untuk menyemarakkan serta menggalakkan aktiviti dan projek-projek penyelidikan berimpak tinggi.

40. Lapan (8) fokus bidang utama penyelidikan berimpak tinggi telah dikenal pasti di bawah peruntukan tabung ini, iaitu *Digitalising Healthcare & Medical Services, Modern Farming, Eco Tourism, Creative Arts, Business Entrepreneurship, Sustainable Management of Tropical Forest & Biodiversity Conservation, Digital Community for Inclusive Development, Water Resources, Renewable Energy, and Sustainable Energy*.



8 FOCUS OF VCHIRF



VCHIRF

- Meningkatkan “Capacity Building”
- Merencanakan ekosistem penyelidikan dan inovasi

41. *Vice Chancellor’s High Impact Research Fund* ini dirangka khas agar dapat mendukung hasrat membina “*Capacity Building*” bagi kumpulan penyelidik, meningkatkan bilangan penerbitan berimpak dan seterusnya meningkatkan jumlah sitasi. Di samping itu, melalui peruntukan dana ini juga diharapkan dapat menyubur penyelidikan bersifat global dan membawa kepada geran-geran padanan antarabangsa.

42. Fokus dana ini juga tidak terkecuali daripada menyuntik motivasi kepada para penyelidik dan pelajar pascasiswazah (mod penyelidikan) yang mempunyai projek berpotensi dalam penghasilan output penyelidikan di samping merencanakan lagi ekosistem penyelidikan dan inovasi. UNIMAS berharap melalui pengenalan "*Innovation Research Award*" pada tahun ini para penyelidik akan gigih menghasilkan output yang melangkaui norma had penyelidikan fundamental sedia ada dan melaluinya bakal menangani cabaran tuntutan-tuntutan semasa. "*Innovation Research Award*" ini juga mensasarkan kolaborasi aktif penyelidik yang bukan sahaja terhad di dalam UNIMAS tetapi turut dilebarluaskan kepada kolaborasi antarabangsa dan makmal penyelidikan.





HUMAN TALENT

Graduate Research Assistant

43. Seiring dengan hasrat ini juga, para penyelidik hendaklah tidak terlepas pandang akan peranan dan tanggungjawab dalam membimbing serta membentuk "*Human Talent*" dalam kalangan *Graduate Research Assistant* yang terlibat secara langsung di dalam skop penyelidikan tersebut.

44. Dengan pengumuman Nusantara di Palangkaraya, Kalimantan Timur sebagai ibu negara Indonesia yang baru, yang berjiran dengan kita, UNIMAS juga komited untuk terus menempa nama dan melonjakkan keberadaannya di antara barisan institusi pengajian tinggi yang terulung di wilayah Borneo. Oleh yang demikian, berbekalkan hasrat murni ini, UNIMAS merangka pendekatan lebih agresif pada tahun 2022 dalam mengeratkan dan menguatkan peranan, sumbangan serta penglibatannya dalam pengembangan ilmu melalui perancangan dan pembentukan kerjasama rakan-rakan strategik di universiti-universiti pengajian tinggi di Kalimantan, Indonesia.



45. Kerjasama strategik ini amat penting dalam usaha memantapkan pelbagai jalinan kerjasama, bukan hanya dalam aspek akademik tetapi juga dalam aspek-aspek lain yang boleh memberi manfaat kepada pelajar, warga universiti dan masyarakat keseluruhannya di kedua-dua buah negara. Antaranya, kebersamaan dalam pelbagai bidang seperti penyelidikan dan penerbitan, perkongsian sumber mobiliti penyelidik dan pelajar, serta penganjuran atau penyertaan ekspo penyelidikan dan inovasi. UNIMAS yakin, kerjasama dan komitmen yang akan dimeterai ini bakal meneroka program-program kerjasama yang boleh diperkembangkan dari semasa ke semasa.





46. Selain daripada memperluaskan bidang kerjasama, universiti berharap kolaborasi ini bakal menjadi wadah bagi para penyelidik berkongsi penemuan dan hasil penyelidikan terkini serta bertukar pandangan dalam permasalahan semasa. Selanjutnya, kolaborasi ini akan membuka ruang perkongsian pengalaman untuk mencari atau menzahirkan pendekatan yang terbaik dalam menangani sesuatu isu. Impak keberhasilan kerjasama ini dilihat bakal menyemarakkan lagi kegiatan ilmiah dalam kalangan para penyelidik di institusi-institusi pengajian tinggi di rantau ini secara amnya, dan di UNIMAS khususnya.



47. Dalam masa yang sama, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini telah melancarkan Yayasan MySDG. Tujuannya adalah untuk merapatkan jurang pembiayaan dan memudahkan inisiatif bersama oleh pelbagai pihak berkepentingan bagi menterjemah aspirasi SDG kepada tindakan praktikal melalui kerjasama pelbagai pihak. Justeru, dalam amanat Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi, beliau turut menekankan tentang *Education for Sustainable Development (ESD)* yang merupakan pembolehdaya utama dalam mencapai SDG. Oleh itu, kita perlu mengambil peluang ini dengan menyatukan semua kekuatan dan mengoptimumkan kepakaran sedia ada di UNIMAS untuk mencapai keseimbangan persekitaran masyarakat dan ekonomi khususnya di Sarawak dan Malaysia, amnya.


48. Fokus inisiatif kita yang seterusnya adalah keterlibatan strategik, iaitu **menekankan penglibatan dan kolaborasi bagi pasaran global**. Dengan penawaran program-program menarik oleh UNIMAS, yang dipromosikan secara lebih agresif kepada negara tertentu, saya yakin mereka akan berminat. Namun, semua ini dapat dilaksanakan sekiranya kita menitikberatkan teknologi transformasi digital. Saya berharap agar pihak-pihak yang berkenaan untuk tidak terus berada di tempat yang selesa dan sentiasa mencari peluang yang baharu untuk memastikan jenama UNIMAS dikenali di peringkat global.





49. Seterusnya, **memperkukuhkan jaminan kualiti serta visibiliti melalui pengiktirafan dalaman dan di peringkat global** sebagai salah satu usaha dalam memperkasakan lagi kesohoran global serta jenama UNIMAS. Contohnya UNIMAS sentiasa mengambil berat berkenaan dengan penyertaan kita di peringkat global seperti Times Higher Education World University Rankings, QS World University Rankings, selain dari penarafan MyRA, SETARA dan MyMOHE di peringkat nasional. Seperti yang selalu ditekankan dalam ucapan saya sebelum ini, pengiktirafan berprestij memberi impak yang signifikan kepada rakan strategik untuk menjalinkan hubungan kerjasama dengan UNIMAS. Ini secara tidak langsung merupakan serampang dua mata dalam meningkatkan nilai kebolehpasaran jenama institusi kita serta menarik lebih ramai enrolmen pelajar antarabangsa untuk menimba ilmu di UNIMAS.


50. Satu pendekatan baharu yang akan diperkenalkan ialah **mempelbagaikan inisiatif program pertukaran pelajar iaitu dengan pengenalan platform *Virtual Reality (VR)* dan *Augmented Reality (AR)***. Sehubungan itu, warga UNIMAS perlu memperkasakan lagi kelengkapan untuk inisiatif tersebut. Hal ini demikian kerana UNIMAS amat terkenal dengan penawaran program mobiliti pelajar yang bercorakkan "*edu-tourism*". Program sebegini dapat mempromosikan budaya masyarakat majmuk dan keunikan tempat-tempat menarik di seluruh Sarawak amnya.



-
51. Kita melihat peningkatan yang ketara tahun demi tahun ke program mobiliti pelajar khususnya dari wilayah Asia Utara seperti China, Jepun dan Korea. Saya berharap kita semua dapat melipat-gandakan lagi usaha kita dalam mempromosikan program-program pertukaran pelajar bercorak edu-tourism ini melalui kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan tempatan, sekaligus meningkatkan lagi sosioekonomi komuniti setempat.



52. Bagi menarik kedatangan pelajar antarabangsa untuk mengikuti program pengajian yang ditawarkan oleh UNIMAS, universiti akan mewujudkan kampus baharu yang merupakan satu kaedah pemangkin dalam pengantarabangsaan sesebuah universiti. Penubuhan kampus satelit di Cyberjaya adalah ibarat pintu gerbang yang mampu menarik pelajar-pelajar dan komuniti antarabangsa agar dapat membawa jenama UNIMAS ke peringkat global. Kampus Cyberjaya menawarkan fleksibiliti dan mobiliti dalam usaha pendidikan melangkaui benua, ataupun cross-border curriculum. Selain itu, kampus ini bertindak sebagai jendela promosi UNIMAS bagi para pemegang taruh yang belum berpeluang menjejak kaki ke Bumi Kenyalang. Dengan adanya kampus satelit Cyberjaya ini juga, UNIMAS akan dapat memperkasakan agenda edu-tourism kita.





53. Pertama, merencanakan kolaborasi dan penglibatan global secara maya (***virtual global engagement and collaboration***). Program-program khusus yang menjadi pemangkin kepada kolaborasi antara institusi pendidikan atau organisasi dari luar negara secara maya akan dipergiatkan lagi. Kolaborasi sebegini adalah sebahagian daripada usaha untuk meningkatkan penjenamaan UNIMAS di peringkat global di samping memberikan pendedahan ***kewarganegaraan global (global citizenship)*** kepada staf dan pelajar. Kita harus akur bahawa kesan globalisasi pada abad ke-21 adalah lebih mencabar ekoran perkembangan teknologi dan media. Maka, staf dan pelajar harus mempunyai perspektif global dan berpandangan jauh.

54. Kedua, menawarkan program mobiliti pelajar secara maya (**virtual students mobility**) yang bakal disokong oleh pelaksanaan ODL yang lebih sistematik dan berkesan. Pelajar dari dalam dan luar negara boleh memilih untuk menjalankan mobiliti secara maya. Mereka boleh berada di kampus untuk masa yang singkat sekiranya perlu dan tidak dibebani kos yang tinggi untuk menyertai program mobiliti konvensional. Inisiatif ini akan menarik minat lebih ramai pelajar serta menggalakkan perkongsian budaya, bahasa dan ilmu antara pelajar dari dalam dan luar negara.



55. Ketiga, meletakkan kedudukan UNIMAS sebagai hub pendidikan maya (*virtual education hub*) atau dalam talian untuk pasaran ASEAN khususnya di Kalimantan. Dengan bilangan pelajar yang bertambah di rantau ASEAN, UNIMAS mempunyai ruang dan peluang untuk menjadi hub pendidikan maya. Kejayaan UNIMAS dalam melaksanakan pembelajaran teradun dan penawaran Massive Open Online Courses (MOOCs) sebelum ini boleh dijadikan inspirasi untuk menggarap strategi penting demi mencapai aspirasi ini.



56. Dengan kepakaran yang ada dari aspek pembangunan kurikulum sehinggalah teknologi ICT, UNIMAS sememangnya mempunyai potensi untuk menjadi pelopor penting pendidikan maya di rantau ASEAN. Inisiatif-inisiatif ini memperlihatkan kesungguhan UNIMAS dalam mendepani cabaran pasca pandemik dengan serius. Peluang untuk mempelbagaikan saluran pendapatan dan meningkatkan visibiliti melalui pendidikan maya juga harus digapai dengan berani.



PENDIDIKAN MAYA DI RANTAU ASEAN



57. Akhir sekali, bagi meningkatkan visibiliti UNIMAS di mata dunia, pelantikan UNIMAS *International Alumni Ambassador* dan UNIMAS *International Ambassador* telah dilaksanakan. Para duta UNIMAS ini akan memainkan peranan penting dalam menaikkan visibiliti dan mempromosikan jenama UNIMAS di mata dunia.

58. Tadbir urus kewangan juga merupakan salah satu sasaran yang menjadi fokus utama saya pada amanat tahun ini. Oleh yang demikian, terdapat sedikit perubahan dari aspek penyediaan bajet yang digunakan untuk urusan operasi (OPEX). Ini sejajar dengan usaha universiti dalam memperuntukkan sumber kewangan berfokuskan kepada keutamaan dan mengoptimumkan perbelanjaan.



59. Dalam hal ini, keutamaan **Anggaran Belanjawan Mengurus (ABM) diberikan kepada Fakulti dan Institut**, kerana seperti yang saya tekankan dari awal tadi, penambahbaikan dari aspek Pengajaran dan Pembelajaran ke arah mendepani cabaran pendidikan tinggi global adalah fokus utama. Oleh itu, saya berharap kepada semua pemegang taruh untuk sentiasa berhemat dalam merancang perbelanjaan operasi.



60. Dalam memperkasakan aktiviti-aktiviti penajaan pendapatan melalui anak syarikat universiti, iaitu UNIMAS Holdings Sdn Bhd dan UNIMAS Business School, sukacitanya ingin saya melaporkan bahawa pada penutupan tahun kewangan 2021, UNIMAS Holdings (UHSB) telah memperolehi hasil sebanyak RM12,922,348.00 manakala UNIMAS Business School (UBS) memperoleh sebanyak RM13,266,091.00 manakala perolehan nilai bersih UHSB adalah sebanyak RM6,348,586.00 dan UBS adalah sebanyak RM842,286.00. Manakala sumbangan anak syarikat UHSB kepada universiti adalah sebanyak RM4,441,722.00 dan UBS sebanyak RM8,245,221.00. Jumlah Akaun Enterprise terkumpul adalah sebanyak RM4,646,397.00.

PRESTASI KEWANGAN ANAK SYARIKAT UNIVERSITI



AKAUN ENTERPRISE TERKUMPUL
RM4,646,397.00



61. Seterusnya, penjaanan **pendapatan yang berterusan (self-sustained income generation)** juga menjadi fokus utama kita dalam melestarikan kedudukan kewangan. Situasi yang tidak diduga seperti pandemik COVID-19 ini adalah titik tolak kepada kita untuk tidak terlalu bergantung kepada bajet yang diperuntukkan. Saya menggalakkan rakan-rakan semua untuk membantu UNIMAS dalam penjaanan pendapatan melalui penawaran program-program jangka masa pendek atau kursus professional. Ini sekaligus meningkatkan lagi visibiliti UNIMAS dan mengetengahkan kepakaran anda melalui perkongsian ilmu pengetahuan kepada para peserta dan organisasi yang terlibat.



62. Perbelanjaan Pembangunan (Development Expenditure) terutamanya dalam aspek infrastruktur IT dan kemudahan fasiliti juga menjadi keutamaan kita pada tahun ini. Bagi menyokong inisiatif mendepani cabaran pendidikan tinggi global contohnya transformasi digital P&P dan penyelidikan, pengurusan komited dalam memastikan kemudahan ini dititikberatkan. Pelan Strategik ICT UNIMAS 2021-2025 digubal bagi mencapai objektif utama seperti berikut:

- Meningkatkan kebolehcapaian perkhidmatan digital melalui infrastruktur dan infostruktur ICT yang komprehensif dan selamat.
- Menyediakan ekosistem digital yang menyeluruh, berkualiti, selamat serta dinamik.
- Memperkasakan fungsi tadbir urus digital

PEMERKASAAN PERKHIDMATAN DIGITAL

63. Melalui tiga teras strategik berikut, perkhidmatan digital akan terus diperkasa iaitu:

- Kelestarian Infrastruktur dan keselamatan siber
- Perkhidmatan digital holistik
- Pemantapan tadbir urus dan pengiktirafan kepakaran ICT



64. Pada masa yang sama, kita turut menjayakan Pelan Strategik UNIMAS 2021-2025 seiring dengan *Post COVID-19 Development Strategy 2030* (PCDS 2030) yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak pada Julai 2021. Antara langkah-langkah pemerkasaan yang telah dilaksanakan UNIMAS adalah dari aspek pendigitalan penyampaian dan penggunaan teknologi terkini bagi memastikan pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan penyampaian perkhidmatan tidak terjejas.

TALENT RETENTION



65. Seterusnya, **mengekalkan dan meningkatkan kemahiran dalam kalangan staf universiti** juga menjadi fokus utama saya pada masa kini. Salah satu kunci kejayaan sesebuah institusi adalah pengesanan dan pengekalan bakat pekerjaanya. Modal insan di sesebuah institusi adalah pemangkin kejayaan yang akan menuju ke arah pencapaian objektif dan matlamatnya. Atas keperluan ini, adalah penting untuk mengesan dan mengekalkan pekerja yang dapat terus berkembang dalam eko-sistem universiti dan mampu menyumbang kepada pertumbuhan organisasi secara berterusan. Pengekalan pekerja (*talent retention*) yang berkesan boleh menyelamatkan organisasi daripada kehilangan produktiviti. Bakat serta kepakaran staf berpengalaman ini dapat meningkatkan kecekapan sekaligus memacu budaya kerja cemerlang bertaraf global.



66. Selain daripada itu, aspek pembangunan bakat (*talent development*) juga diperkasakan dengan pengenalan dasar latihan yang baharu. Ia secara tidak langsung dapat mendokong hasrat serta aspirasi universiti dalam mencapai sasaran yang diinginkan. Penjajaran semula (*re-alignment*) dari aspek pemantapan kemahiran perlu dititikberatkan seiring dengan kehendak semasa. Malah ia perlu dijadikan sebagai satu kemestian untuk semua staf maju ke hadapan dalam mengembangkan kerjaya masing-masing.

67. Saya juga menyokong hasrat dari warga universiti dalam usaha **mengemas kini senarai badan professional** untuk staf UNIMAS yang layak. Untuk makluman, staf yang berdaftar dengan Lembaga Teknologis Malaysia dan Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang layak memohon pembayaran balik yuran tahunan keahlian berkuat kuasa 1 November 2021. Kelulusan ini adalah berdasarkan kepada keperluan pegawai UNIMAS untuk menjadi ahli sesuatu badan profesional bagi melaksanakan tugas hakiki dan rasmi di bawah peraturan / undang-undang yang berkuat kuasa mengikut profesion masing-masing. Kemudahan ini diberikan sebagai satu insentif kepada pegawai dalam menyalurkan kepakaran dan kemahiran serta meningkatkan kualiti perkhidmatan.



PROGRAM PENTAULIAHAN PROFESIONAL

3 hingga 12 bulan di dalam negara dengan mod pengajian sepenuh masa

68. Tambahan lagi, UNIMAS dengan kerjasama KPT bercadang untuk melaksanakan **Program Pentauliahan Profesional** dalam kalangan staf. UNIMAS dan KPT akan mengenalpasti kursus kritikal yang berbentuk kemahiran profesional yang diperlukan oleh staf kita. Tempoh program yang dipersetujui ialah 3 hingga 12 bulan di dalam negara dengan mod pengajian sepenuh masa. Sejumlah peruntukan akan disediakan bagi menjayakan program ini. Staf yang berjaya akan diberi cuti belajar bergaji penuh. Saya berharap dengan inisiatif dalam pembangunan staf ini dapat meningkatkan lagi produktiviti dan kualiti kerja dalam kalangan institusi kita.





PROGRAM VAKSINASI BERSAMA KOMUNITI




69. UNIMAS akan terus komited menyokong pihak kerajaan negeri dan persekutuan dalam menangani pandemik COVID-19. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh UNIMAS termasuklah membuka Pusat Pemberian Vaksin IPT berstatus Mega, Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC), penyelidikan berkaitan COVID-19 dan membantu kerajaan negeri membuat ujian diagnostik bagi pengesanan COVID-19.
70. Semua usaha ini selari dengan amanat Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak baru-baru ini yang menyeru penglibatan aktif semua kakitangan awam persekutuan di Sarawak untuk terus menggembelng tenaga dalam usaha membantu kerajaan negeri mengekalkan kesejahteraan, keharmonian serta memacu sektor sosial dan ekonomi di Bumi Kenyalang.




SKIM PRIHATIN UNIMAS


71. Dalam masa yang sama, demi menghargai sumbangan staf UNIMAS terhadap pembangunan dan kecemerlangan universiti ini dalam sektor pendidikan tinggi, pihak pengurusan UNIMAS telah bersetuju untuk mewujudkan Skim Prihatin UNIMAS kepada anak-anak staf yang layak mengikuti program ijazah pertama di UNIMAS.

72. Di bawah Skim UNIMAS Prihatin, pengurusan universiti bersetuju untuk membiayai kos yuran pengajian bagi seorang anak kakitangan yang berjaya mendapat tempat untuk melanjutkan pengajian di peringkat ijazah pertama di UNIMAS. Diharap inisiatif ini dapat meringankan beban kewangan khususnya bagi mereka yang mempunyai tanggungan yang ramai. Pelaksanaan inisiatif ini akan diperkenalkan bermula pada Semester 1, Sesi 2021/2022.



DOA & HARAPAN

- 
- A man with short grey hair and glasses, wearing a light blue button-down shirt, stands on a balcony or walkway. He is looking out over a university campus with several white buildings and green roofs. The sky is a mix of purple, pink, and blue, suggesting a sunset or sunrise. The overall mood is contemplative and hopeful.
73. Pada tahun ini, UNIMAS telah pun menjangkau usia 30 tahun. Sepanjang penubuhan universiti tercinta ini, pelbagai kejayaan telah kita capai dan pada masa yang sama, kita turut merasai pahit manis dalam meraih kejayaan tersebut.
74. Pepatah Inggeris ada menyatakan “What doesn’t kill you, makes you stronger.” Ini adalah sangat bertepatan dengan situasi yang kita hadapi sejak penularan pandemik COVID-19. Cabaran yang kita hadapi menjadikan kita lebih berdaya tahan (resilient) dalam mendepani cabaran dan dugaan yang melanda serta mencari jalan penyelesaian secara kolektif. Inilah semangat kerja yang ingin kita suburkan dalam kalangan warga UNIMASku Sayang.



ILTIZAM DALAM MELAKSANAKAN TUGAS YANG DIAMANAHKAN

75. Justeru, saya berharap agar warga Pengurusan dan Profesional terus iltizam dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan, dengan mengambil peluang yang ada di samping meneruskan usaha demi meningkatkan ilmu pengetahuan melalui latihan dan kursus yang berkaitan fungsi dan peranan pekerjaan. Dalam masa yang sama, kita teruskan usaha untuk menggembeng tenaga dan menyumbang idea bagi merealisasikan segala perancangan yang telah digariskan dalam Perancangan Strategik UNIMAS 2021-2025. Mudah-mudahan dengan kerjasama erat semua pihak dengan didukung oleh warga P&P UNIMAS, kita akan terus berada di persada kejayaan gemilang.

76. Saya juga berharap agar warga Pelaksana, yang juga merupakan tulang belakang UNIMAS, akan bergerak bergandeng bahu bersama warga P&P, ahli akademik dan juga pelajar agar kita akan terus TEGUH BERSAMA bekerja dengan jujur, tulus dan ikhlas demi universiti tercinta.





EXCITE

Exemplary • Collegiality • Integrity • Tenacity • Equity

77. Selain itu, hayatilah lima nilai teras UNIMAS yang menjadi paksi kejayaan kita selama ini, iaitu teladan (*Exemplary*), keserakanan (*Collegiality*), integriti (*Integrity*), kecekalan (*Tenacity*) dan ekuiti (*Equity*). Saya percaya, melalui lima nilai teras ini, ia mampu menjadi sumber kekuatan kepada seluruh warga kerja UNIMAS, lebih-lebih lagi ketika kita menghadapi perubahan dan cabaran besar akibat pandemik COVID-19.



78. Biarpun masih dibayangi COVID-19 dan ramai pelajar yang terkesan, saya juga berharap agar para pelajar terus istiqamah dan komited dengan ketekunan menimba ilmu berserta sulaman adab dan akhlak mulia. Biarlah pelajar dan graduan UNIMAS keluar dengan membawa nama yang baik di samping masih tetap berhemah dan berbudi pekerti mulia, berada dalam senarai teratas pilihan (*top ranking choices*) para majikan kerana ada nilai tambah (*added value*) yang tiada pada graduan di tempat lain

79. Adalah menjadi doa dan harapan saya juga agar warga UNIMAS akan TEGUH BERSAMA dalam mengharungi cabaran ini, terus melangkah ke hadapan dalam merealisasikan usaha untuk menjadikan UNIMAS sebagai jenama global seiring dengan usaha kita untuk mencapai lima (5) kecemerlangan utama dalam Pengajaran & Pembelajaran, Penyelidikan & Inovasi, Keterlibatan Strategik, Kelestarian Kewangan dan Kecemerlangan Bakat. Kesemua sasaran ini, menuntut kerjasama dan komitmen yang tidak berbelah bagi daripada seluruh lapisan warga UNIMAS.

80. Akhir bicara, marilah kita bersama-sama memikul amanah dan tanggungjawab besar ini, demi kelestarian dan kecemerlangan universiti yang kita cintai ini. Saya juga berdoa, agar kita diberikan taufik dan hidayah oleh Allah SWT bagi memungkinkan kesemua hasrat, impian dan perancangan yang dinyatakan tadi tercapai dengan jayanya.



**Pohon Tualang Bercabang Tiga,
Daunnya Jatuh Di Tengah Laman,
Tanggungjawab Digalas Amanah Dijaga,
Tersohorlah UNIMAS Sepanjang Zaman.**

INSTITUTE FOR TOURISM RESEARCH AND INNOVATION



GLOBAL EDUCATION VIRTUAL HUB



10.7%

PENINGKATAN ANGGARAN BELANJAWAN MENGURUS

VICE CHANCELLOR'S HIGH IMPACT RESEARCH FUND


veHIRF RM5m

STRATEGI DAN INISIATIF 2022



PENSTRUKTURAN SEMULA UNIMAS GLOBAL KEPADA UNIMAS GLOBAL (INTERNATIONAL) DAN UNIMAS CORPORATE

DATA SCIENCE CENTRE



PENUBUHAN KAMPUS SATELIT DI CYBERJAYA

INSENTIF KEPADA TOP 10 JOURNAL CITATION REPORT (JCR)



SKIM PRIHATIN UNIMAS KEPADA ANAK ANAK STAF YANG LAYAK MENGIKUTI PROGRAM IJAZAH PERTAMA DI UNIMAS










JALINAN STRATEGIK BERSAMA INSTITUT-INSTITUT PENGAJIAN TINGGI DI KALIMANTAN, INDONESIA





MAPPING OF UNIMAS STRATEGIC INITIATIVES WITH SARAWAK GOVERNMENT POST COVID-19 DEVELOPMENT STRATEGY

	SARAWAK GOVERNMENT	UNIMAS Strategic Plan 2021-2025		AMANAT NAIB CANSOLOR		
	PCDS Enablers	UNIMAS SC	UNIMAS SI	2020	2021	2022
 DIGITAL TRANSFORMATION	1. Digital Government Services 2. Improve Internet Connectivity 3. Access to STEM training and education online	SF1 SC1-Curriculum Design and Delivery & SC3- Students Experience SF4 SC1- Global Branding	SF1 SI2- Flexible Education & SI7- Visibility and Community Engagement SF4 SI1-Global Recognition (sustainability activities)	1. Global Class Room 2. Smart Campus 3. Gamification Centre	1. Masters in Sustainable Development 2. Bantuan Pemberian Komputer Riba YTAR 3. UNIMAS ELEVATE (Enhanced Learning Environment for Virtual and Augmented Teaching) 4. Meningkatkan infrastruktur dan kemudahan ICT UNIMAS 5. UNIMAS #GlobalFuture	1. Commercial Open & Distant Learning (ODL) Master in Coursework 2. International Students Chapter (ISC) 3. Collaborative Online International Learning 4. Pengenalan platform Virtual Reality (VR) dan Augmented Reality (AR) 5. Virtual global engagement and collaboration 6. Virtual students mobility 7. Virtual education hub 8. Development Expenditure on ICT
 INNOVATION	1. R&D expenditure 2. Double number of patents 3. Fulltime researchers in R&D 4. Project launched via innovation hubs & commercialised	SF2 SC1- Research Enculturation, SC2- Research Impact & SC3- Commercialisation SF5 SC1-University Revenue (research contract)	SF2 SI1- Researchers (PI), SI5-Research Impact & SI8-UNIMAS SDG SF5 SI1-Commercial Programme & Partnership	1. Scopus and ISI Publication fund 2. Rise @ UNIMAS 3. Student and Staff Mobility - Research 4. MOU/MOA - Research	1. kerjasama universiti-industri dalam penyelidikan dan inovasi 2. UNIMAS Spin - Off Companies 3. Scopus and ISI Publication fund (increment) 4. IMPACT Grant, PARTNER Grant, & MARKET Grant	1. Insentif kepada TOP 10% dalam Journal Citation Report (JCR) 2. Tabung Penyelidikan Naib Canselor - Penyelidikan Berimpak Tinggi. 3. Innovation Research Award 4. Perancangan dan pembentukan kerjasama rakan-rakan strategik di universiti-universiti pengajian tinggi di Kalimantan, Indonesia. 5. Self-sustained income generation
 BASIC INFRASTRUCTURE	1. Achieve Road quality index 2. Road connection to strategic commercial centre 3. Increase port capacity 4. Reduction emission from port operations	SF1 SC3-Students Experience SF2 SC2- Research Impact & SC3-Commercialisation SF4 SC1-Global Branding	SF1 SI7- Visibility and Community Engagement SF2 SI3- Impact Society, SI5-Industries & Community Activities & SI8- UNIMAS SDG SF4 SI1- Global Recognition (sustainability activities)		1. "The Little Book of Green Nudges" Inisiatif 2. UNIMAS-UNESCO Knowledge for Change	1. Yayasan MySDG- Education for Sustainable Development (ESD)
 TRANSPORT	1. Ensuring affordability transport cost 2. Increase share of public transport 3. Reduce emission through efficiency and new technology	SF1 SC3-Students Experience SF2 SC2- Research Impact & SC3-Commercialisation SF4 SC1-Global Branding	SF1 SI7- Visibility and Community Engagement SF2 SI3- Impact Society, SI5- Industries & Community Activities & SI8- UNIMAS SDG SF4 SI1- Global Recognition (sustainability activities)		1. "The Little Book of Green Nudges" Inisiatif 2. UNIMAS-UNESCO Knowledge for Change	1. Yayasan MySDG- Education for Sustainable Development (ESD)

	SARAWAK GOVERNMENT	UNIMAS Strategic Plan 2021-2025		AMANAT NAIB CANSOLOR		
	PCDS Enablers	UNIMAS SC	UNIMAS SI	2020	2021	2022
 <p>UTILITY</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Provide reliable coverage water and electricity 2. Reduce non revenue domestic water consumption 3. Increase domestic gas utilisation 	<p>SF1 SC3-Students Experience</p> <p>SF2 SC2- Research Impact & SC3-Commercialisation</p> <p>SF4 SC1-Global Branding</p>	<p>SF1 SI7- Visibility and Community Engagement</p> <p>SF2 SI3- Impact Society, SI5- Industries & Community Activities & SI8- UNIMAS SDG</p> <p>SF4 SI1- Global Recognition (Sustainability activities)</p>		<ol style="list-style-type: none"> 1. UNIMAS Water Center 2. UNIMAS-UNESCO Knowledge for Change 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Yayasan MySDG – Education for Sustainable Development (ESD)
 <p>RENEWABLE ENERGY</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Maintain Renewable Energy Capacity 2. Annual reduction CO2 emissions via electrification 3. Increase income from foreign markets through RE sector 	<p>SF1 SC3-Students Experience</p> <p>SF2 SC2- Research Impact & SC3-Commercialisation</p> <p>SF4 SC1-Global Branding</p>	<p>SF1 SI7- Visibility and Community Engagement</p> <p>SF2 SI3- Impact Society, SI5- Industries & Community Activities & SI8- UNIMAS SDG</p> <p>SF4 SI1- Global Recognition (sustainability activities)</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. UNIMAS Towards Zero Single –Use Plastics 2. Institute Of Sustainable And Renewable Energy – ISURE 	<ol style="list-style-type: none"> 1. “The Little Book of Green Nudges” inisiatif 2. #GlobalHeartbeat 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Yayasan MySDG – Education for Sustainable Development (ESD)
 <p>EDUCATION AND HUMAN CAPITAL DEVELOPMENT</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Science enrolment 2. Unemployment rate 3. TVET enrolment increase 	<p>SF1 SC2-Academic Quality & SC3-Students Experience</p> <p>SF3 SC1- Hire Staff</p> <p>SF4 SC1- Global Branding</p>	<p>SF1 SI4- Quality Graduates & SI7- Visibility and Community Engagement</p> <p>SF3: SI1-Talent Expertise & Experience</p> <p>SF4: SI1-Global Recognition (sustainability activities)</p>	<p>APEL C DBA Edu-tourism Student and Staff Mobility Academic MOU/MOA Academic UNIMAS APPRENTICE University Industry Centre, UNIC</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Program peningkatan kadar kebolehpasaran Pelajar 2. Bantuan Sarjana dalam Mod Penyelidikan (B40) 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mekanisme APEL (A) dan APEL (C) bagi pasaran global 3. Penuhuan kampus satelit di Cyberjaya 4. UNIMAS INTERNATIONAL ALUMNI Ambassador dan UNIMAS INTERNATIONAL AMBASSADOR 5. Mengekalkan dan meningkatkan kemahiran dalam kalangan staff universiti (talent retention, talent development & re-alignment) 6. Melaksanakan Program Pentauliahlan Profesional 7. Skim Prihatin UNIMAS kepada anak-anak staff yang layak mengikuti program ijazah pertama di UNIMAS 8. Penstrukturan semula UNIMAS Global kepada UNIMAS Global (International) dan UNIMAS Corporate 9. Mengemas kini senarai badan profesional



UNIMAS
UNIVERSITI MALAYSIA ISKANDAR

30
years

Crossing frontiers
1992-2022

AMANAT
NAIB
CANSELOR
2022

Mendepani Cabaran
Pendidikan Tinggi Global